## PEMAKLUMAN KEPUTUSAN PERMOHONAN BR1M

- Surat makluman keputusan permohonan BR1M akan dicetak dan diposkan mengikut alamat seperti di dalam Borang Permohonan BR1M
- Semakan secara *online* : https://ebr1m.hasil.gov.my
- e-Mel yang didaftarkan di dalam Borang Permohonan BR1M
- Semakan secara Aplikasi Mobile BR1M : Muat turun di *Play Store* bagi platform *Android* dan di *App Store* bagi platform iOS

Muat turun di Google play / Download on the App Store

## JADUAL PEMBAYARAN BR1M 2018

### KATEGORI 1

RM 450

FEB - RM450

Individu berpendapatan bulanan RM2,000 dan ke bawah

### KATEGORI 2

RM 900

FEB - RM300
JUN - RM300
OGOS - RM300

Isi rumah berpendapatan bulanan RM3,001 - RM4,000

### KATEGORI 3

RM 1,200

FEB - RM400
JUN - RM400
OGOS - RM400

Isi rumah berpendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah

Sebarang perubahan jadual pembayaran akan dimaklumkan dari semasa ke semasa

## MAKLUMAT PENTING

- Borang Permohonan BR1M adalah **PERCUMA**
- Kerajaan **TIDAK** mengenakan sebarang bayaran bagi penerimaan permohonan BR1M
- Pengisian Borang Permohonan BR1M adalah di bawah tanggungjawab pemohon

| WAKTU OPERASI KAUNTER BR1M LHDNM | |
|---|---|
| ✓ Hari Bekerja<br>✓ 29 - 31 Disember 2017 | ✗ Cuti Hujung Minggu<br>✗ Cuti Umum |
| CAWANGAN SEMENANJUNG<br>9.00 PAGI - 5.00 PETANG | CAWANGAN SABAH / SARAWAK<br>8.00 PAGI - 4.00 PETANG |

## PERTANYAAN? HUBUNGI :

Sekretariat BR1M
Pejabat Belanjawan Negara
Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
Presint 2, 62592 Putrajaya

Hotline BR1M LHDNM :
1 - 800 - 88 - 2716
Waktu Operasi :
9.00 pagi - 5.00 petang

Hotline BR1M MOF :
03 - 8882 4565
03 - 8882 4566

e - Mel :
br1m@treasury.gov.my

Laman Web :
https://ebr1m.hasil.gov.my



Kementerian Kewangan Malaysia

# BR1M
NEGARAKU
## Bantuan Rakyat 1Malaysia

Tarikh Pendaftaran / Pengemaskinian Mulai
27 November hingga 31 Disember 2017

LHDN MALAYSIA

Hadir ke mana-mana Cawangan LHDNM / Pusat Khidmat Hasil (PKH) LHDNM / Pusat Transformasi Bandar (UTC) LHDNM

Permohonan juga boleh dibuat melalui Portal Rasmi BR1M
https://ebr1m.hasil.gov.my

## PENDAFTARAN / KEMAS KINI BR1M

PENTING untuk kemas kini maklumat permohonan secara Borang Manual atau Dalam Talian bagi memastikan penerima berada di kategori yang BETUL

# PELAKSANAAN BR1M

BR1M 2012 - 2018

| KATEGORI | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017* | 2018 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| e-Kasih (Dibawah RM1000) | - | - | - | - | RM1,050 | - | - |
| Isi Rumah (RM3,000 ke bawah) | RM500 | RM500 | RM650 | RM950 | RM1,000 | RM1,200 | RM1,200 |
| Isi Rumah (RM3,001 - RM4,000) | - | - | RM450 | RM750 | RM800 | RM900 | RM900 |
| Individu (RM2,000 ke bawah) | - | RM250 | RM300 | RM350 | RM400 | RM450 | RM450 |

*Mulai tahun 2017, kategori e-Kasih diserapkan ke kategori Isi Rumah.

## Permohonan / Pengemaskinian BR1M

### PERMOHONAN BARU

- Mereka yang belum pernah memohon
- Pasangan kepada penerima BR1M 2017 yang telah meninggal dunia / bercerai
- Pemohon yang gagal / tidak layak dalam permohonan BR1M sebelum ini

### KEMASKINI MAKLUMAT

- Sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 3 (tiga) tahun permohonan
- Terdapat perubahan maklumat peribadi seperti kematian pasangan / tanggungan. Perubahan status perkahwinan, perubahan alamat / nombor telefon dan perubahan waris

## MAKLUMAT PENTING YANG PERLU DIKEMASKINI

1. Status perkahwinan
   - kahwin, cerai atau kematian pasangan (nyatakan tarikh perceraian / kematian pasangan)
2. Alamat surat menyurat terkini dan e-Mel
3. Nombor telefon bimbit dan rumah
4. Maklumat akaun bank (persendirian sahaja)
5. Maklumat pasangan dan tanggungan
   - Pastikan maklumat nombor pengenalan seperti myKad, myPR, myKAS, myKID, Pasport dan Visa serta Sijil Lahir diisi dengan TEPAT DAN JELAS
6. Maklumat Waris
   - Waris asal yang dinamakan telah meninggal dunia
   - Bagi membolehkan waris membuat tuntutan SKK dan baki BR1M

Pengemaskinian maklumat adalah penting bagi mengelakkan permohonan ditolak.

# DOKUMEN SOKONGAN PENTING

### SSM

Bagi pemohon dan pasangan yang mempunyai pendaftaran perniagaan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), ANDA PERLU kemukakan salinan :

i. Penyata pendapatan perniagaan tahunan 2017; atau

ii. Penyata akaun bank perniagaan / persendirian (Akaun semasa / simpanan) bagi 3 bulan terkini tahun 2017; atau

iii. Pengesahan penamatan / pembubaran perniagaan yang dikeluarkan oleh SSM mulai 1 Oktober 2017

### KEWARGANEGARAAN

MyPR / MyKAS / Sijil Lahir yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara atau dokumen perjalanan seperti pasport dan Visa bagi pasangan / tanggungan bukan warganegara Malaysia

### KEMATIAN / PERCERAIAN

Salinan sijil perceraian / kematian pasangan yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri atau Jabatan Pendaftaran Negara bagi pemohon berstatus Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda

## ANTARA SEBAB-SEBAB PERMOHONAN BR1M GAGAL

*Nota : Penerima BR1M perlu mengemaskini maklumat peribadi mereka (jika ada perubahan) semasa tempoh permohonan dibuka bagi mengelakkan kegagalan permohonan.

**TANGGUNGAN**
Maklumat tanggungan yang tidak tepat

**MAKLUMAT PASANGAN**
Tiada maklumat pasangan bagi pemohon berstatus kahwin

**JUMLAH PERMOHONAN**
Memohon lebih dari satu kali (suami & isteri membuat permohonan berasingan)

**DOKUMEN PERIBADI**
Tidak menyertakan dokumen pengesahan status perceraian atau kematian pasangan

**MENERIMA KAD DEBIT DISKAUN SISWA 1MALAYSIA**
Pelajar yang layak menerima Kad Debit Diskaun Siswa 1Malaysia bagi sesi 2017 / 2018

**MAKLUMAT PENDAPATAN**
Tidak melaporkan pendapatan bagi yang bekerja sendiri dan yang makan gaji

**BERADA DI LUAR NEGARA**
Pemohon yang menetap / bekerja / belajar di luar negara

**KEMASKINI PERMOHONAN**
Penerima BR1M sejak 2015 yang tidak mengemaskini maklumat bagi tempoh 3 tahun

**MAKLUMAT PERIBADI**
Maklumat peribadi tidak tepat seperti nama dan nombor kad pengenalan dan status perkahwinan

# Proses Verifikasi BR1M

Setiap permohonan BR1M akan disemak / ditapis bagi penentuan kelayakan dengan agensi-agensi berikut:

1. Jabatan Pendaftaran Negara
2. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
3. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (termasuk Polis Diraja Malaysia)
4. Angkatan Tentera Malaysia
5. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
6. Kumpulan Wang Persaraan
7. Suruhanjaya Syarikat Malaysia
8. Jabatan Pengangkutan Jalan
9. Jabatan Agama Islam Negeri
10. Kementerian Pendidikan Tinggi
11. Kementerian Pendidikan Malaysia
12. Kementerian Luar Negeri

- Hanya pemohon yang melepasi tapisan sahaja yang layak menerima BR1M.
- Pemohon yang mengemukakan MAKLUMAT PALSU boleh disabitkan kesalahan di bawah seksyen 193 Kanun Keseksaan (Akta 574) dan boleh dikenakan hukuman penjara sehingga (3) tahun dan denda serta disenarai hitam daripada menerima BR1M.

# SKK

## SKIM KHAIRAT KEMATIAN

Penerima di bawah kategori :

1. Isi Rumah
2. Warga Emas (60 tahun dan ke atas)

### JUMLAH BANTUAN

RM 1,000 + Baki BR1M belum dituntut

### Info-info Penting

1. SKK untuk waris yang dinamakan sahaja
2. Kematian dalam tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2018
3. Waris terdiri daripada Pasangan / Ibu / Bapa / Anak / Adik-beradik / Cucu sahaja
4. Penerima untuk Kategori Individu tidak layak SKK

# PROSEDUR TUNTUTAN SKK

1. Sekiranya berlaku kematian penerima BR1M dalam tempoh BR1M 2018 (1 Januari hingga 31 Disember 2018), Waris yang dinamakan di dalam borang boleh menuntut SKK
2. Tuntutan boleh dibuat di mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN)
3. Waris perlu membawa dokumen seperti berikut :
   - I. Sijil kematian asal / salinan daripada Jabatan Pendaftaran Negara
   - II. Kad pengenalan asal waris
   - III. Dokumen pembuktian pertalian antara penerima dan waris
4. Pembayaran akan dibuat oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) selepas maklumat yang dikemukakan disahkan lengkap dan tepat